



Australian
Red Cross

Perhambaan moden berlaku di Australia

Buruh paksaan, pemerdagangan orang, penghambaan dan ikatan hutang semuanya adalah jenayah di Australia. Dapatkan lebih banyak maklumat di redcross.org.au/workrighthub

Anda harus dilayan dengan adil di tempat kerja.



Semua pekerja di Australia mempunyai hak asasi yang dilindungi oleh undang-undang. Undang-undang ini merangkumi semua pekerja termasuk mereka dari seberang laut, tanpa mengambil kira berapa lama mereka bermastautin di Australia atau jenis visa.

Jika anda atau seseorang yang anda kenali adalah:

- Dipaksa untuk bekerja atau tidak selamat di tempat kerja
- Bekerja untuk masa yang panjang dengan masa rehat yang amat sedikit
- Tidak dibayar dengan sewajarnya
- Membayar balik satu hutang yang besar kepada seorang perekrut atau majikan untuk perjalanan, penginapan, pakaian, makanan, pengangkutan atau dokumen kerja
- Tidak dapat meninggalkan tempat kerja mereka atau membincangkan syarat
- Digertak atau diancam di tempat kerja, seperti diberitahu bahawa mereka akan dihantar pulang atau bahawa ahli keluarga akan dicederakan
- Tidak dapat mengakses pasport mereka atau lain-lain dokumen pengenalan diri
- Bekerja di rumah orang lain dan jarang dapat beredar

Bantuan boleh didapati

Jika anda atau seseorang yang anda kenali sedang dieksplotasi, bantuan boleh didapati.

Hubungi 1800 113 015
atau emel kepada
national_stpp@redcross.org.au

Jika ia adalah satu kecemasan atau terdapat satu ancaman terhadap keselamatan seseorang hubungi polis di talian 000.

Untuk melaporkan satu kes perhambaan moden yang mungkin hubungi Polis Persekutuan Australia di talian 131 237.

This Modern Slavery grant activity received grant funding from the Australian Government.